Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 34 (5): 2517 - 2539 (2026)

PERTANIKA JOURNALS

SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES

Journal homepage: http://www.pertanika.upm.edu.my/

Artikel Ulasan

Impak Keterbatasan Komunikasi Terhadap Keberkesanan Produktiviti Pekerja Asing: Tinjauan Literatur Sistematik

Adreena Natasya Ahmad Daud*, Mohammad Fadzeli Jaafar , dan Mohammed Azlan Mis

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Produktiviti pekerja asing merupakan indikator utama yang menentukan kecekapan sesebuah organisasi dalam mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Meskipun tenaga kerja asing memberikan sumbangan besar kepada output negara, namun isu berkaitan jurang komunikasi dan adaptasi budaya sering kali menjadi cabaran utama dalam mengekalkan kualiti kerja mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara sistematik kaedah penyelidikan terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mempengaruhi produktiviti pekerja asing di sesebuah organisasi. Tinjaun literatur mengaplikasikan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) 2020. Empat tahap PRISMA, iaitu pengenalpastian, saringan, kelayakan dan rangkuman digunakan untuk membuat penilaian kepada tinjauan literatur secara sistematik. Tempoh kajian yang layak disemak adalah diterbitkan dalam tempoh 5 tahun, dari 2020 hingga 2025 dan semakan telah dilakukan melalui dua pangkalan data terkemuka, iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. Daripada 1185 buah artikel yang dikenalpasti, hanya 17 buah artikel dipilih kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan. Tinjauan terhadap artikel terpilih mendapati bahawa produktiviti di sesebuah organisasi dipengaruhi oleh tiga tema utama, iaitu halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi, keselamatan dan kesihatan pekerja asing, dan persekitaran kerja yang tidak kondusif. Kesemua artikel membincangkan halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi sebagai punca utama yang memberi kesan kepada produktiviti pekerja asing. Oleh itu, tinjauan literatur ini menegaskan bahawa produktiviti yang mampan tidak dapat dicapai tanpa sistem komunikasi yang berkesan. Kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat

ARTICLE INFO

Article history:
Received: 17 June 2026
Accepted: 13 July 2026
Published: 30 October 2026

DOI: https://doi.org/10.47836/pjssh.34.5.08

E-mail addresses:
P145071@siswa.ukm.edu.my (Adreena Natasya Ahmad Daud)
fadzeli@ukm.edu.my (Mohammad Fadzeli Jaafar)
whg5026@ukm.edu.my (Mohammed Azlan Mis)
* Corresponding author

© Universiti Putra Malaysia Press

perkaitan signifikan antara ketiga-tiga tema utama, di mana kegagalan menanganinya boleh merencatkan potensi produktiviti sebenar pekerja.

Kata Kunci: Keterbatasan komunikasi, pekerja asing, PRISMA, produktiviti, tinjauan literatur sistematik

The Impact of Communication Limitations on the Effectiveness of Foreign Workers' Productivity: A Systematic Literature Review

ABSTRACT

The productivity of foreign workers is a key indicator that determines the efficiency of an organisation in achieving its set production targets. Although foreign workers contribute significantly to national output, issues related to communication gaps and cultural adaptation often become major challengers in maintaning the quality of their work. This study aims to systematically examine research methods on variables that influence the productivity of foreign workers in an organisation. The literature review was applied by following the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analyses (PRISMA) 2020 guidelines. The four PRISMA levels, namely identification, screening, qualification and inclusion, were used to systematically evaluate the literature review. The period of studies eligible for review was published within a 5-years period, from 2020 to 2025 and the review was carried out using two of the most reputable databases, Scopus and Google Scholar. Out of 1185 articles identified, only 17 articles were selected because they met the set criteria. A review of the selected articles found that productivity in an organisation is affected by three main themes, namely language barriers and communication limitations, safety and health of foreign workers, and an unconducive work environment. All articles discussed language barriers and communication limitations as the main causes that affect the productivity of foreign workers. Therefore, this literature review emphasises that sustainable productivity cannot be achieved without an effective communication system. This study finds a significant relationship between the three main themes, where failure to address them can limit employee productivity.

Keywords: *Communication limitations, foreign workers, PRISMA, productivity, systematic literature review*

PENGENALAN

Produktiviti pekerja asing di sektor pekerjaan merupakan salah satu aspek penting yang menentukan keberkesanan operasi sesebuah organisasi. Produktiviti kerja didefinisikan sebagai kecekapan pekerja melakukan tugas mereka dalam mencapai matlamat kerja yang diberikan dengan kos minimum (Hanaysha, 2016; Mohd Salleh et al., 2021). Pekerja merupakan individu yang mengerahkan tenaga dan idea bagi membantu mencapai matlamat, visi dan misi bagi sesebuah organisasi (Deraman & Mohd Isa, 2016). Kemasukan pekerja asing ke dalam negara bukan sahaja dapat memenuhi kekosongan tenaga kerja, malah membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Menurut Aimi Zulhazmi Abdul Rashid dalam keratan

akhbar Utusan Malaysia (2022), kemasukan pekerja asing penting untuk menampung keperluan industri-industri yang menggunakan tenaga buruh murah seperti di sektor perladangan dan perkilangan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan sektor ekonomi di negara ini memerlukan tenaga buruh yang murah, lasak, berbahaya dan mampu bekerja untuk jangka masa yang panjang. Peningkatan terhadap produktiviti pekerja akan memberi kelebihan kepada majikan, pengguna dan negara (Ismail et al., 2020). Walaupun pekerja asing dianggap sebagai penyumbang kepada kelangsungan operasi dan pengeluaran, persoalannya sejauh mana mereka mencapai tahap produktiviti yang optimum masih menjadi tanda tanya. Tanpa pekerja tempatan mahu pun pekerja asing, sesebuah organisasi tidak mampu melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya secara efektif dalam memastikan kelangsungan operasi harian.

Dalam konteks organisasi yang bergantung kepada tenaga kerja asing, tahap produktiviti sering dikaitkan dengan kebolehan komunikasi antara pekerja (Mohd Salleh et. al., 2021; Ne'Matullah et al., 2021; Nahartini et al., 2021). Halangan komunikasi dan perbezaan bahasa bukan sahaja memberi kesan terhadap keberkesanan penyampaian maklumat, tetapi turut mempengaruhi prestasi kerja serta hubungan sosial di tempat kerja. Masalah produktiviti sering berlaku di sektor pembinaan kerana sektor ini mengalami kadar kelewatan yang tinggi, kualiti yang tidak memuaskan, isu kesihatan dan keselamatan, pencemaran dan isu kemampanan disebabkan oleh amalan komunikasi yang tidak berkesan (Olanrewaju et al., 2017). Secara keseluruhan, produktiviti kerja di tapak pembinaan bergantung kepada komunikasi yang berkesan di kalangan pekerja, pihak kontraktor, klien, perunding, dan pembekal. Antara faktor utama yang dikenal pasti termasuklah kelemahan dalam perancangan dan pengurusan tapak, kekurangan pengalaman kontraktor, masalah kewangan serta kelewatan bayaran oleh klien, kekurangan bahan dan tenaga kerja, serta kegagalan peralatan (Ali et al., 2010; Memon et al., 2011; Sambasivan & Soon, 2007; Ye & Abdul Rahman, 2010). Selain itu, isu komunikasi yang tidak berkesan antara pihak terlibat turut menyumbang kepada kelewatan projek, kesilapan semasa pembinaan, dan peningkatan kos (Ali et al., 2010; Eko Bariano & Kamaruding, 2025; Ghani et al., 2022; Ne'Matullah et al., 2021; Othman et al., 2006; Tan & Abdul Rahman, 2011). Oleh itu, kelemahan dalam pengurusan, komunikasi, kewangan, dan perancangan projek merupakan penyumbang utama kepada penurunan produktiviti dalam sektor pembinaan.

Kepentingan produktiviti pekerja asing dalam sesebuah organisasi dan ekonomi negara tidak dapat disangkal lagi, terutamanya dalam memastikan kelangsungan operasi sektor-sektor kritikal. Produktiviti yang tinggi daripada tenaga kerja asing menyumbang secara langsung kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui hasil pengeluaran yang konsinten dalam industri seperti sektor perkilangan, pembinaan, perkhidmatan dan perladangan. Bagi sesebuah organisasi,

kecekapan pekerja asing merupakan kunci kepada daya saing pasaran. Hal ini demikian kerana, tahap output yang optimum membolehkan organisasi meminimumkan kos unit pengeluaran dan memenuhi permintaan pelanggan tepat pada waktunya. Selain itu, produktiviti pekerja asing juga berperanan sebagai pemangkin kepada kestabilan rantaian bekalan, di mana penglibatan mereka dalam pekerjaan yang sering dijauhi oleh tenaga kerja tempatan dengan memastikan tiada lompang operasi yang boleh melumpuhkan produktiviti sesebuah industri secara keseluruhan. Maka, produktiviti pekerja asing bukan sekadar pengisian tenaga kerja, malah merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi yang menjamin kelestarian perniagaan dalam jangka masa panjang. Walaupun kepentingannya semakin diiktiraf, bukti empirikal berkaitan produktiviti pekerja asing masih belum disepadukan secara menyeluruh, sekali gus menghadkan pemahaman terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti mereka. Oleh itu, tinjauan literatur sistematik ini dijalankan untuk mengisi jurang pengetahuan tersebut serta menyediakan asas yang lebih kukuh bagi penyelidikan dan amalan pada masa hadapan.

Persoalan kajian merupakan penanda aras yang bakal memandu tinjauan literatur sistematik ini. Maka, persoalan kajian yang dibentuk adalah (i) apakah kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian dari tahun 2020 hingga 2025? dan (ii) apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan produktiviti dalam kalangan pekerja asing?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) (Page et al., 2021) bagi meneliti setiap sorotan kajian berkaitan dengan halangan komunikasi pekerja asing di sektor pekerjaan. Tinjaun literatur sistematik merupakan satu pendekatan saintifik yang berstruktur untuk menjawab soalan yang dirumuskan dengan jelas. Menurut Shaffril et al. (2021), protokol ini dapat menjadi pedoman untuk sorotan literatur bersistematik dalam bidang yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu. Dari sudut kebolehlaksanaan kaedah yang digunakan, kajian ini menunjukkan keselarasan dengan pendekatan yang digunakan dalam ulasan sistematik terdahulu dalam bidang Linguistik Aplikasi (Kaushik et al., 2016; Nissi et al., 2021; Putri, 2022; Zhong et al., 2023).

Persoalan kajian berikut terdiri daripada format *Population/Problem, Interest, Context* (PICo), iaitu P=Pekerja asing, I=Keterbatasan komunikasi dan Co=Sektor pekerjaan. Ia melibatkan penggunaan kaedah yang sistematik dan eskplisit dalam mengenal pasti, memilih, menilai secara kritikal serta menganalisis data daripada kajian-kajian yang relevan untuk memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan dapatan (Moher et al., 2010). Terdapat empat proses strategi pencarian sistematik iaitu, pengenalpastian *(identification)*, saringan *(screening)*, kelayakan *(eligibility)* dan rangkuman *(included)*. Keempat-empat proses ini akan dihuraikan pada bahagian subtopik dibawah.

Pengenalpastian

Pencarian kata kunci yang bersesuaian berdasarkan persoalan kajian merupakan proses awal dalam mengenal pasti istilah dan konsep utama yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Berdasarkan format PICo, penyelidik memilih tiga kata kunci utama iaitu pekerja asing, keterbatasan komunikasi dan sektor pekerjaan. Jadual 1 memaparkan kata kunci pencarian untuk mendapatkan artikel yang berkaitan. Bagi meningkatkan kemungkinan memperoleh lebih banyak artikel untuk semakan, penyelidik mencari sinonim, istilah dan variasi kata yang berkaitan dalam penyelidikan ini.

Dua pangkalan data telah dipilih untuk pencarian tinjauan literatur sistematik iaitu Scopus dan Google Scholar. Pangkalan data ini menawarkan akses langganan kepada pangkalan data lain dan mempunyai pelbagai kategori bidang akademik. Kajian ini memanfaatkan pangkalan data Scopus yang diiktiraf sebagai sumber utama dan mengandungi pelbagai penerbitan ilmiah yang disemak oleh proses penilai semula *(peer-review process)* daripada pelbagai bidang penyelidikan (Duman et al., 2015; Putri, 2022). Menurut Gusenbauer dan Haddaway (2020), Scopus merupakan salah satu daripada 14 pangkalan data utama dalam pencarian artikel dan menyenaraikan jurnal dan artikel berimpak tinggi selain pangkalan Web of Science (WoS) dan Science Direct. Manakala, pangkalan data Google Scholar dipilih kerana ia mempunyai liputan yang lebih luas terhadap kajian tempatan dari institusi pengajian tinggi di Malaysia yang tidak semestinya tersenarai dalam pangkalan data berindeks seperti Scopus atau WoS. Selain itu, akses terbuka dan keupayaannya mengindeks pelbagai penerbit membantuk memastikan proses pencarian literatur menjadi lebih menyeluruh serta mengurangkan kemungkinan terlepas kajian yang relevan dengan objektif kajian.

Jadual 1
Kata kunci pencarian tinjauan literatur sistematik

Bil.	Pangkalan Data	Kata Kunci
1	Scopus	TITLE-ABS-KEY (("communication barrier*" OR "language barrier*" OR "communication challenge*" OR "language challenge*" OR "communication difficulty" OR "language difficulty" OR "communication obstacle*" OR "linguistic barrier*") AND ("foreign worker*" OR "migrant worker*" OR "non-native worker*" OR "labor migrant*" OR "labour migrant*") AND ("workplace" OR "organisation*" OR "employment setting*" OR "job setting*" OR "work environment") AND ("productivity" OR "work performance" OR "job performance" OR "efficiency" OR "output" OR "work outcome*" OR "employee performance"))
2	Google Scholar	(("communication barrier*" OR "language barrier*" OR "communication challenge*" OR "language challenge*" OR "communication difficulty" OR "language difficulty" OR "linguistic barrier*") AND ("foreign worker*" OR "migrant worker*") AND ("workplace" OR "organisation*") AND ("productivity" OR "work performance" OR "job performance"))

Sumber: Hasil dapatan penulis

Sehubungan itu, tinjauan literatur sistematik ini merangkumi kajian yang relevan dengan konteks Malaysia.

Pangkalan data Web of Science (WoS) dan Science Direct tidak dipilih sebagai sumber utama dalam kajian ini kerana liputan penerbitannya lebih tertumpu kepada bidang sains, teknologi dan perubatan. Walaupun WoS dan Science Direct mengandungi beberapa kajian berkaitan pekerja asing, kebanyakannya membincangkan aspek saintifik. Sebalikua, kajian ini lebih memfokuskan aspek bahasa yang berkaitan dengan pekerja asing. Oleh itu, WoS didapati mempunyai bilangan artikel yang berkaitan dengan fokus kajian yang lebih terhad berbanding Scopus dan Google Scholar yang menawarkan liputan literatur yang lebih luas merangkumi pelbagai disiplin termasuk bahasa dan linguistik.

Saringan

Saringan merupakan langkah kedua dalam strategi carian sistematik, di mana sebanyak 165 artikel daripada Scopus dan 1020 artikel daripada Google Scholar telah diteliti untuk dimasukkan dalam semakan. Kriteria pertama adalah tempoh masa penerbitan iaitu dari tahun 2020 hingga 2025. Seterusnya, jenis literatur selain daripada jurnal, artikel, prosiding dan persidangan tidak dimasukkan untuk dianalisis. Sampel kajian terdiri dalam kalangan pekerja asing sahaja dan selain daripada kategori pekerja asing juga ditolak untuk dianalisis. Hal ini demikian kerana, isu komunikasi sering berlaku dalam kalangan pekerja asing yang menjadi fokus sampel kajian di sektor pekerjaan, terutamanya disebabkan oleh perbezaan bahasa yang ketara. Sehubungan itu, pematuhan terhadap kriteria yang ketat seperti yang disarankan oleh Rose et al. (2018) membantu memastikan kajian ini bebas daripada bias malah dapat meningkatkan tahap kebolehpercayaan serta nilai keseluruhan dapatan dan cadangannya.

Jadual 2 merupakan kriteria penerimaan dan penolakan. Berdasarkan tapisan automatik yang dilakukan pangkalan data Scopus, dengan menetapkan kriteria seperti tempoh masa penerbitan, jenis literatur dan kategori pekerja, sebanyak 49 artikel telah dikenal pasti. Manakala, tapisan automatik bagi pangkalan data Google Scholar memaparkan 402 artikel yang telah diperoleh. Kemudian, jumlah artikel yang layak akan dipaparkan oleh pengkaji melalui penilaian terhadap kualiti artikel seperti yang dinyatakan di Rajah 1.

Jadual 2
Kriteria penerimaan dan penolakan

Bil.	Kriteria	Penerimaan	Penolakan
1	Tempoh masa	2020-2025	< 2020 ke bawah
2	Jenis literatur	Jurnal dan artikel	Buku, bab dalam buku dan jurnal (tinjauan sistematik), prosiding, tesis, disertasi dan persidangan
3	Kategori pekerja	Pekerja asing	Selain pekerja asing

Sumber: Hasil dapatan penulis



Rajah 1. Gambar rajah alir untuk pencarian pangkalan data dan mendapatkan penerbitan untuk semakan sistematik
Sumber: Diubah suai daripada Moher et al. (2010)

Kelayakan

Langkah ketiga adalah kelayakan, yang melibatkan penyemakan semula secara kendiri setiap artikel yang diambil untuk memastikan ia memenuhi keperluan berikutan proses penyaringan. Penyemakan semula secara kendiri dilakukan apabila pengkaji membaca tajuk dan abstrak kertas yang disediakan untuk melengkapkan prosedur ini. Sebanyak 423 artikel telah ditolak kerana tidak mencapai kriteria yang diinginkan semasa pembacaan tajuk dan keseluruhan abstrak. Oleh itu, pada peringkat ini berbaki hanya 14 artikel sahaja untuk dianalisis bagi kedua-dua pangkalan data. Walau bagaimanapun, sebanyak 11 buah artikel telah dikeluarkan daripada proses saringan akhir setelah penelitian menyeluruh dilakukan. Penyingkiran ini dibuat kerana artikel-artikel tersebut tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, merangkumi penerbitan dalam bentuk tesis, disertasi, dan prosiding, serta terdapat kekangan akses bagi mendapatkan teks lengkap artikel tersebut. Bagi memastikan bahan kajian berkualiti tinggi, artikel

yang layak telah diserahkan kepada dua profesional untuk semakan kualiti. Hal ini demikian kerana, saranan penyemakan artikel perlulah sekurang-kurangnya dua orang penilai berdasarkan tema yang telah dipersetujui (Petticrew & Roberts, 2006; Shaffril et al., 2021). Kedua-dua penilai terdiri daripada kumpulan penyelidik kerana mereka mempunyai kepakaran yang relevan dalam bidang sosiolinguistik. Justeru, penglibatan mereka membantu memastikan penilaian kualiti dijalankan secara konsisten, sistematik dan selaras dengan protokol kajian yang telah ditetapkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Artikel yang Diterima

Sebanyak 17 artikel penuh telah dikenal pasti iaitu sembilan daripada pangkalan data Scopus dan 8 daripada pangkalan data Google Scholar. 17 artikel yang disaring ini memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan layak untuk dianalisis dalam perbincangan kajian ini. Kajian-kajian ini memfokuskan kepada halangan komunikasi di kalangan pekerja asing yang mempengaruhi produktiviti di tempat kerja.

Rajah 2 memaparkan jumlah artikel bagi lima tahun kebelakangan, bermula pada tahun 2020 hingga 2025. Analisis trend penerbitan menunjukkan bahawa tahun 2021 mencatatkan bilangan penerbitan tertinggi bagi kajian berkaitan halangan komunikasi dalam kalangan pekerja asing, iaitu sebanyak enam artikel (Aznan & Ishak, 2021; Basalamah et al., 2021; Mattila et al., 2021; Mohd Salleh et al., 2021; Ne'Matullah, 2021; Yap & Ahmad, 2021). Pada tahun 2022 hanya satu artikel diterbitkan iaitu kajian oleh Rehman dan Ishak (2022) diikuti dua kajian oleh Fellows et al. (2023) dan Rotimi et al. (2023) pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan pada tahun 2024 dengan tiga artikel (Dzawanda et al., 2024; Goh et al., 2024; Kuoriba et al., 2024) dan terus meningkat pada tahun 2025 kepada lima artikel (Alruwaili et al., 2025; Bariono & Kamaruding, 2025; Maung & Siriwato, 2025; Olanrewaju et al., 2025; Salombe et al., 2025). Secara keseluruhannya, trend penerbitan memperlihatkan peningkatan berterusan dari tahun 2022 hingga 2025.



Rajah 2. Latar belakang artikel yang diterima
Sumber: Hasil dapatan penulis

Kaedah Metodologi Kajian Literatur

Hasil tinjauan mendapati bahawa rata-rata kajian terdahulu cenderung menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah utama penyelidikan. Sebanyak lapan artikel menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen pengumpulan data berupa soal selidik (Aznan & Ishak, 2021; Kuoriba et al., 2024; Mohd Salleh et al., 2021; Ne'Matullah, 2021; Olanrewaju et al., 2025; Rehman & Ishak, 2022; Rotimi et al., 2023; Yap & Ahmad, 2021). Manakala, sebanyak enam artikel yang menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen kajian berupa temu bual, pemerhatian dan perspektif individu (Alruwaili et al., 2025; Basalamah et al., 2021; Fellows et al., 2023; Maung & Siriwato, 2025; Mattila et al., 2021; Salombe et al., 2025). Seterusnya, tiga artikel yang menggunakan pendekatan campuran (Bariono & Kamaruding, 2025; Dzawanda et al., 2024; Goh et al., 2024). Oleh itu, kaedah metodologi kajian literatur yang telah diterbitkan dari tahun 2021 hingga 2025 menggunakan pendekatan kuantitatif diikuti dengan pendekatan kualitatif dan seterusnya pendekatan campuran.

Analisis Tema Kajian Literatur

Persoalan kajian ini tertumpu kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan produktiviti dalam kalangan pekerja asing di sektor pekerjaan. Hasil dapatan daripada artikel yang layak diterima mempunyai tiga tema utama untuk dianalisis dan dibincangkan. Faktor-faktor yang mengganggu produktiviti di sektor pekerjaan telah diklasifikasikan kepada tiga tema utama iaitu: i) Halangan Bahasa dan Keterbatasan Komunikasi, ii) Kesihatan dan Keselamatan di Sektor Pekerjaan dan iii) Persekitaran Kerja yang Tidak Kondusif. Walaupun ketiga-tiga tema ini sering dibincangkan dalam literatur, kebanyakan kajian menelitinya secara berasingan mengikut konteks dan sektor tertentu. Oleh itu, perbincangan ini bukan sahaja mensintesis dapatan bagi setiap tema, malah menjelaskan hubung kait antara tema-tema tersebut dalam mempengaruhi produktiviti pekerja asing.

Rajah 3 memaparkan pecahan peratusan bagi artikel yang dikategorikan kepada tiga tema utama. Kesemua 17 buah artikel (1005) membincangkan tentang halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi pekerja asing. Selain itu, 12 daripada 17 artikel (35%) turut membincangkan isu persekitaran kerja yang tidak kondusif, manakala 5 buah artikel (15%) juga menyentuh aspek kesihatan dan keselamatan di sektor pekerjaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat pertindihan tema, di mana beberapa artikel membincangkan lebih daripada satu isu dalam kajian.

Halangan Bahasa Dan Keterbatasan Komunikasi

Halangan bahasa merupakan antara isu utama yang sering dihadapi oleh pekerja asing di sektor pekerjaan, khususnya dalam konteks persekitaran kerja yang bersifat multibahasa.



Rajah 3. Pecahan peratusan bagi artikel yang dikategorikan mengikut tema
Sumber: Hasil dapatan penulis

Perbezaan latar belakang linguistik antara pekerja asing dan pihak majikan, rakan sekerja serta pelanggan berpotensi menjejaskan keberkesanan komunikasi harian. Pekerja yang tidak menguasai bahasa lazimnya berkomunikasi menggunakan isyarat ketika menjalankan tugas (Fellows et al., 2023). Keadaan ini menyebabkan penyampaian mesej menjadi kurang jelas, manakala penerima pula berisiko untuk salah faham, terlupa atau tidak mengendahkan maklumat yang disampaikan walaupun penjelasan telah diberikan dengan baik. Akibatnya, keberkesanan komunikasi di tempat kerja terjejas (Mohd Salleh et al., 2021).

Hasil tinjauan mendapati bahawa kesemua literatur lepas membincangkan halangan bahasa sebagai punca utama yang mempengaruhi produktiviti di tempat kerja. Menurut Bariono dan Kamaruding (2025), halangan bahasa merupakan isu yang ketara dan bermasalah yang berlaku di kalangan pekerja asing. Selaras dengan dapatan Ismail et al. (2020), halangan bahasa turut dikenal pasti sebagai kekangan yang ketara dalam kalangan buruh asing, khususnya dalam sektor pembinaan di Malaysia. Hal ini demikian kerana, sesetengah pekerja asing menghadapi kesukaran untuk memahami sepenuhnya arahan teknikal atau protokol keselamatan kerana mempunyai kemahiran bahasa yang rendah (Bariono & Kamaruding, 2025; Kuoribo et al., 2024). Keadaan ini boleh membawa kepada salah faham dan keterbatasan komunikasi, sekali gus menjejaskan tahap produktiviti dan keselamatan di tempat kerja (Alruwaili et al., 2025; Bariono & Kamaruding, 2025; Mohd Salleh et al., 2021; Ne'Matullah, 2021; Yap & Ahmad, 2021). Tambahan pula, halangan komunikasi berlaku disebabkan oleh halangan bahasa. Perbezaan dua bahasa di tempat kerja telah mengganggu pekerjaan seharian terutamanya apabila majikan perlu mengendalikan pekerja asing. Dapatan daripada kajian Dzawanda et al.

(2024) menyatakan bahawa terdapat lebih daripada lima bahasa yang digunakan di tapak pembinaan seperti bahasa Inggeris, bahasa Shona, bahasa Ndebele, bahasa Cina, bahasa Tonga dan bahasa Nambya. Hal ini menggambarkan pekerja asing kurang keyakinan dalam komunikasi, kurang pengetahuan dan pengurusan masa yang lemah dalam melaksanakan tugas yang diberikan dalam bahasa yang diperlukan. Bahkan, majikan juga gagal menyampaikan maklumat kepada pekerja asing dan menyebabkan mereka melakukan kesilapan semasa menyiapkan tugasan (Goh et al., 2024; Dzawanda et al., 2024). Kesan daripada halangan komunikasi ini telah melambatkan penyiapan projek, membawa kepada pembaziran bahan dan sumber, kelewatan dalam penghantaran kerja dan pengulangan kerja terpaksa dilakukan untuk mencapai standard yang diperlukan (Goh et al., 2024; Ismail et al., 2020; Ne'Matullah, 2021).

Terdapat tiga kajian (Basalamah et al., 2021; Maung & Siriwato, 2025; Salombe et al., 2025) yang membincangkan tentang halangan bahasa pekerja asing yang bekerja di Jepun. Majoriti bakal pekerja tanpa pengalaman kerja terdahulu di Jepun perlu menjalani latihan bahasa Jepun seperti yang ditetapkan dalam *Technical Intern Training Act* (TITP) berkaitan pemerolehan dan penguasaan bahasa pekerja. Hal ini demikian kerana, kerajaan telah menetapkan dengan jelas bahawa kewajipan berbahasa Jepun untuk pekerja supaya pekerjaan dapat berjalan degan lancar tanpa halangan (*Ministry of Health, Labour and Welfare*, 2025). Walaupun latihan bahasa telah diberikan, pekerja masih menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi secara berkesan akibat ketidakpadanan antara bahasa formal yang dipelajari dengan tuntutan komunikasi sebenar di tempat kerja (Basalamah et al., 2021) serta pengaruh penggunaan dialek tempatan (Salombe et al., 2025). Berdasarkan kajian (Salombe et al., 2025) penggunaan dialek tempatan telah menjadi halangan utama dalam pemahaman bahasa Jepun dalam kalangan pekerja. Dialek bahasa Jepun merujuk kepada variasi linguistik mengikut wilayah yang berbeza daripada bahasa Jepun standard termasuklah aksen, fonologi (sebutan), morfologi (struktur perkataan) dan leksikon (kosa kata). Walaupun perbezaan aksen dan sebutan lazimnya tidak menjejaskan komunikasi secara signifikan, namun variasi dalam morfologi dan kosa kata didapati memberi kesan besar terhadap kefahaman penutur asing. Isu ini juga berlaku dalam kalangan pekerja Myanmar yang menghadapi kesukaran untuk memahami arahan kerja disebabkan oleh penggunaan istilah khusus dan jargon teknikal semasa bekerja (Maung & Siriwato, 2025). Walaupun kesemua pekerja telah mencapai tahap penguasaan bahasa Jepun N-3, mereka masih menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri sama ada di tempat kerja mahupun dalam kehidupan seharian. Manakala, kajian Basalamah et al. (2021), pekerja dikehendaki untuk menguasai bahasa formal, selaras dengan budaya kerja dan norma profesional

masyarakat Jepun di sektor perhotelan. Hal ini demikian kerana, komunikasi formal lebih diperlukan dan penting dalam komunikasi bertulis berbanding komunikasi lisan, memandangkan kebanyakan pelancong mampu bertutur dalam bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, penguasaan terhad dalam bahasa Jepun telah menyebabkan pekerja cenderung untuk mengelak daripada bertanya dan tidak memberi sebarang maklum balas dengan rakan sekerja (Basalamah et al., 2021; Salombe et al., 2025). Tanpa sokongan komunikasi yang mencukupi, keadaan ini boleh meningkatkan kebimbangan semasa berkomunikasi serta menurunkan motivasi kerja. Kesannya, kesejahteraan mental pekerja terjejas dan produktiviti serta kepuasan kerja turut menurun.

Kesihatan dan Keselamatan Pekerja Asing

Kesihatan dan keselamatan pekerja asing di tempat kerja merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan bebas daripada risiko kemalangan. Walau bagaimanapun, pekerja asing kerap terdedah dengan bahaya kerana tidak menerima latihan keselamatan yang sewajarnya. Berdasarkan kajian Goh et al. (2024), kelima-lima responden memberi kenyataan bahawa ketiadaan maklumat tentang kesihatan dan keselamatan serta kegagalan majikan menyediakan peralatan keselamatan di tempat kerja. Bahkan, kemalangan berlaku disebabkan oleh keterbatasan bahasa pekerja asing di tempat kerja. Hal ini demikian kerana, pekerja asing lebih rela meminta bantuan daripada majikan atau rakan sekerja berbanding menghubungi nombor kecemasan jika berlakunya kemalangan (Mattila et al., 2021). Sesetengah pekerja mengelak untuk mendapatkan rawatan di pusat kesihatan disebabkan oleh masalah bahasa dan kekurangan maklumat untuk melalui proses mendapatkan perubatan. Tambahan pula, majoriti responden mendedahkan ketidakselesaan dalam menangani kebimbangan keselamatan kepada majikan mereka kerana bimbang akan tindak balas daripada pihak atasan dan mereka takut untuk melaporkan kemalangan kerana takut dibuang kerja (Dzawanda et al., 2024). Kekurangan latihan keselamatan yang formal berada pada kedudukan ketiga dalam faktor yang dikenal pasti, menunjukkan kelemahan dalam penyediaan pengetahuan dan kemahiran keselamatan, seterusnya meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Berdasarkan kajian daripada Alruwaili et al. (2025), keutamaan kesihatan diberikan kepada kesihatan mental berbanding kesihatan dan keselamatan fizikal di tempat kerja. Secara umumnya, kesihatan mental merangkumi kesejahteraan emosi, fisiologi dan sosial seseorang. Tanpa kesihatan mental yang kukuh, ia akan mempengaruhi kehidupan peribadi atau pekerjaan pekerja. Pekerja boleh membahayakan diri mereka sendiri atau orang lain dengan melakukan tindakan yang tidak selamat dan berisiko. Hal ini demikian kerana, ketiadaan sokongan keluarga berdekatan,

kekurangan hubungan bersama keluarga telah meningkatkan risiko tekanan mental (Mattila et al., 2021). Walau bagaimanapun, stigma negatif terhadap kesihatan mental masih berterusan dan menghalang pelaksanaan pembangunan serta intervensi yang berkesan di tempat kerja. Sehubungan dengan itu, pekerja asing memilih untuk tidak berkongsi tentang kesihatan mental kerana ia bukan satu keutamaan penting dalam budaya mereka. Mereka enggan untuk mendapatkan bantuan dan menganggap masalah kesihatan mental sebagai kelemahan peribadi atau sesuatu yang memalukan. Hasil dapatan informan mengatakan bahawa latihan kesihatan dan keselamatan diberikan berkaitan pengendalian peralatan dan kesedaran bahaya. Namun, tiada latihan mengenai kesihatan mental dalam organisasi mereka. Pekerja asing menghadapi halangan yang lebih besar disebabkan oleh pantang larang budaya, isu bahasa dan akses terhadap sokongan. Kesimpulannya, pembinaan persekitaran organisasi yang menyokong peningkatan kemahiran komunikasi berkesan dalam kalangan pekerja terbukti dapat mengurangkan kejadian risiko serta meningkatkan tahap keselamatan dan kecekapan kerja (Rehman & Ishak, 2022).

Persekitaran Kerja yang Tidak Kondusif

Persekitaran kerja yang tidak kondusif merupakan salah satu faktor utama yang mengganggu tahap produktiviti pekerja dalam sesebuah organisasi. Sebanyak 12 buah artikel yang membincangkan tentang persekitaran kerja dalam kajian yang mempengaruhi kualiti kerja di sesebuah organisasi (Aznan & Ishak, 2021; Bariono & Kamaruding, 2025; Dzawanda et al., 2024; Goh et al., 2024; Kuoribo et al., 2024; Maung & Siriwato, 2025; Mattila et al., 2021; Mohd Salleh et al., 2021; Ne'Matullah, 2021; Rehman & Ishak, 2022; Rotimi et al., 2023; Yap & Ahmad, 2021).

Persekitaran kerja yang tidak kondusif dapat dilihat apabila kerjasama dalam berpasukan adalah lemah (Rehman & Ishak, 2022), khususnya dalam sektor pekerjaan yang berbilang budaya (Kuoribo et al., 2024). Perbezaan latar belakang budaya dan gaya komunikasi sering menyebabkan kelewatan dalam proses membuat keputusan, kekerapan perubahan reka bentuk, kekurangan sumber, salah faham dan seterusnya menjejaskan tahap produktiviti (Rehman & Ishak, 2022). Selain itu, kajian Kuoribo et al. (2024) menyatakan tentang amalan menyalahkan pihak lain yang dipanggil sebagai *"scapegoatism"*, telah disenaraikan sebagai kesan ketiga tertinggi yang turut memburukkan suasana kerja apabila pekerja dipersalahkan atas kesilapan yang berlaku berbanding berusaha dalam mencari penyelesaian secara kolektif dan konstruktif. Perkara ini dapat dilihat bahawa diskriminasi berlaku dan memberi kesan negatif terhadap produktiviti serta kesejahteraan pekerja. Hasil dapatan kajian Mohd Salleh et al. (2021) memaparkan pemboleh ubah diskriminasi menunjukkan hubungan positif yang kuat terhadap

produktiviti kerja. Pekerja asing sering didiskriminasikan oleh majikan tempatan yang menyebabkan pekerja asing melalui tekanan, penurunan kepuasan, komitmen dan tingkah laku yang tidak memuaskan (Shah & Yusof, 2018).

Berdasarkan kajian Dzawanda et al. (2024), majoriti responden (53%) menyatakan bahawa tekanan kerja yang tinggi telah dikenal pasti sebagai punca utama kelemahan komunikasi dan tahap keterlibatan pekerja yang rendah dalam aspek keselamatan. Dapatan ini selari dengan kajian Mattila et al. (2021) bahawa tekanan kerja memberi kesan terhadap fizikal pekerja, terutamanya apabila tarikh akhir projek semakin hampir. Selain itu, waktu bekerja yang tidak tetap turut menyumbang kepada kelewatan penyiapan sesuatu projek (Bariono & Kamaruding, 2025; Goh et al., 2024; Ne'Matullah 2021). Beban kerja fizikal yang berat, tugasan berulang serta kedudukan kerja yang menyukarkan juga menjadikan sektor pertanian dan hortikultur sangat mencabar (Mattila et al., 2021). Kestabilan komuniti pekerja di ladang sering terjejas akibat kadar penggantian kerja yang tinggi, di mana terdapat pekerja dan penyelia yang hanya kekal untuk satu musim sahaja (Mattila et al., 2021). Fenomena pertukaran kerja dan penyelia ini didapati mewujudkan suasana kerja yang tegang, terutamanya apabila wujud halangan bahasa dan silang budaya.

Kekurangan tenaga kerja turut menjadi faktor kritikal yang menjejaskan produktiviti sesebuah organisasi. Hal ini berpunca daripada proses permohonan pengambilan pekerja asing yang bersifat birokratik, panjang dan rumit (Aznan & Ishak, 2021; Maung & Siriwato, 2025). Majoriti pekerja yang diambil bekerja terdiri daripada buruh kurang mahir yang tidak mempunyai latihan atau pengalaman mencukupi sekali gus membawa kepada ketidakcekapan dan risiko kelewatan projek (Dzawanda et al., 2024; Yap & Ahmad, 2021). Kekurangan pengalaman ini bukan sahaja menjejaskan kualiti kerja, malah mewujudkan kebergantungan yang tinggi terhadap penyeliaan majikan (Bariono & Kamaruding, 2025). Oleh itu, elemen imbuhan, peluang kemajuan pengetahuan dan perkembangan kerjaya amat penting dalam mempengaruhi kepuasan kerja (Rotimi et al., 2023). Jadual 3 memaparkan ringkasan hasil kajian yang layak diterima dalam sorotan literatur.

KESIMPULAN

Tinjauan literatur bersistematik ini meninjau kajian-kajian lepas yang terpilih tentang faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti sesebuah organisasi, khususnya dalam kalangan pekerja asing. Berdasarkan sejumlah 17 artikel yang dianalisis, halangan bahasa merupakan faktor utama yang mengganggu produktiviti kerja dan menyumbang kepada tahap penglibatan pekerja yang rendah, serta faktor lain seperti tekanan atau beban kerja, kekurangan latihan, halangan budaya dan ketakutan dalam melaporkan sebarang kemalangan.

Jadual 3
Ringkasan hasil kajian yang layak diterima dalam sorotan literatur

Penulis	Kaedah Metodologi	Instrumen Kajian	Tema	Kesan Keterbatasan Komunikasi
Ne'Matullah (2021)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi	Kajian ini mendapati halangan bahasa memberi kesan kepada produktiviti di sektor pembinaan di Malaysia. Kesan daripada halangan bahasa ini telah memberi risiko terhadap kemalangan dan pembaziran masa serta tenaga kerja.
Yap and Ahmad (2021)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Hasil analisis deskriptif menunjukkan keadaan kerja merupakan faktor utama pengambilan pekerja asing dalam industri pembuatan di Johor. Ketersediaan dan keadaan kerja pekerja asing mempunyai hubungan signifikan dengan persepsi prestasi kerja. Walau bagaimanapun, latar belakang pendidikan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi prestasi kerja. Tambahan pula, halangan bahasa juga telah mempengaruhi kualiti kerja.
Aznan and Ishak (2021)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Hasil menunjukkan bahawa majoriti pekerja asing tidak pandai menyuarakan pendapat kerana kemahiran komunikasi yang lemah. Selain itu, bagi masalah sosial dan sikap, kebanyakan pekerja asing tidak mematuhi peraturan bekerja dan keselamatan semasa bekerja di tapak. Tambahan pula, kos dan pengambilan pekerja asing adalah tinggi serta mengambil masa terlalu lama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kos pengambilan pekerja asing merupakan satu beban yang signifikan. Isu terakhir yang dikenal pasti ialah tahap produktiviti, di mana majoriti pekerja asing didapati tidak memenuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan.
Basalamah et al. (2021)	Kualitatif	Temu bual mendalam dan pemerhatian	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi	Hasil kajian mendapati bahawa pekerja perlulah menguasai bahasa formal sebagai sebahagian daripada budaya Jepun di sektor perhotelan. Hal ini demikian kerana, komunikasi formal lebih diperlukan dan penting dalam komunikasi bertulis berbanding komunikasi lisan, memandangkan kebanyakan pelancong mampu bertutur dalam bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, penguasaan terhad dalam bahasa Jepun telah menyebabkan pekerja cenderung untuk mengelak daripada bertanya dan tidak memberi sebarang maklum balas dengan rakan sekerja.

Jadual 3 (*sambungan*)

Penulis	Kaedah Metodologi	Instrumen Kajian	Tema	Kesan Keterbatasan Komunikasi
Mattila et al. (2021)	Kualitatif	Temu bual separa berstruktur	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Keselamatan dan kesihatan Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Bekerja di ladang menuntut tahap keupayaan fizikal yang tinggi, manakala status sebagai pekerja asing pula memberi kesan terhadap kehidupan sosial, termasuklah berpisah daripada keluarga serta berdepan tekanan daripada komuniti tempatan untuk membantu mendapatkan pekerjaan untuk orang lain. Selain itu, teknologi komunikasi membolehkan pekerja asing kekal berhubung dengan keluarga mereka. Majikan pula boleh meningkatkan kualiti kerja dan kehidupan pekerja asing dengan memperbaiki pengurusan kerja, keadaan tempat kerja serta menyediakan latihan berterusan. Program orientasi dan latihan ini perlu dirancang dengan baik, dengan mengambil kira tahap penguasaan bahasa, kemahiran kerja, dan peluang perkembangan kerjaya pekerja.
Mohd Salleh et al. (2021)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Hasil kajian mendapati bahawa isu halangan bahasa dan diskriminasi telah memberi kesan kepada produktiviti kerja pekerja asing. Pembolehubah diskriminasi menunjukkan hubungan positif yang kuat terhadap produktiviti kerja. Pekerja asing sering didiskriminasi oleh majikan tempatan dan menyebabkan pekerja asing menghadapi tekanan, penurunan kepuasan, komitmen dan tingkah laku yang tidak memuaskan.
Rehman and Ishak (2022)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Pengurusan risiko yang tidak berkesan dalam projek pembinaan memberi kesan kepada kelewatan, pemberhentian sepenuhnya dalam aktiviti, kos dan masa. Risiko projek pembinaan wujud apabila berlakunya ketidakpastian kualiti, kos dan masa penyiapan. Komunikasi berkesan merupakan komponen penting yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan projek. Salah satu ciri utama kejayaan projek ialah aliran maklumat yang berkesan antara pihak pengurusan dan pasukan pelaksana, sama ada dari peringkat atasan ke bawahan mahupun sebaliknya, kerana ia dapat meningkatkan kualiti proses pembinaan, mengurangkan konflik, serta mempertingkatkan prestasi pasukan projek. Keputusan memaparkan komunikasi berkesan mempunyai pengaruh positif ke atas pengurusan risiko pembinaan beserta kesan penyederhanaan positif Akta, undang-undang dan dasar kerajaan.

Jadual 3 (*sambungan*)

Penulis	Kaedah Metodologi	Instrumen Kajian	Tema	Kesan Keterbatasan Komunikasi
Fellows et al. (2023)	Kualitatif	Temu bual dan pemerhatian	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi	Hasil kajian mendapati bahawa pekerja yang tidak berkongsi bahasa yang sama mengemukakan isu keselamatan, integrasi dan produktiviti di tempat kerja. Kerja bahasa jurubahasa tidak formal diterokai melalui data ini dan kanta teori; tugas bahasa mereka dan sifat kerja bahasa mereka dikenal pasti, termasuk penggunaan visual, gerak isyarat dan teknologi. Keadaan ini menyebabkan penyampaian mesej menjadi kurang jelas, manakala penerima pula berisiko untuk salah faham, terlupa atau tidak mengendahkan maklumat yang disampaikan walaupun penjelasan telah diberikan dengan baik.
Rotimi et al. (2023)	Kuantitatif	Soal selidik berstruktur	Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Pekerja asing di tapak pembinaan sering menghadapi pelbagai cabaran dan risiko terhadap ketidakpuasan kerja berbanding pekerja tempatan. Kajian ini menekankan kepentingan menyediakan peluang untuk kemajuan pengetahuan dan kemajuan kerjaya bagi pekerja binaan migran untuk meningkatkan kepuasan kerja mereka. Hasil kajian mendapati pekerja binaan migran China secara amnya berpuas hati dengan pekerjaan mereka dan akan melanjutkan tempoh mereka jika peluang pekerjaan disediakan. Keputusan mengesahkan bahawa bayaran gaji dan peluang untuk kemajuan ilmu dan kemajuan kerjaya membawa kepada peningkatan kepuasan kerja, manakala kesunyian mengurangkan kepuasan kerja. Peluang untuk peningkatan pengetahuan dan kemajuan kerjaya mencetuskan lebih kepuasan daripada bayaran gaji.
Dzawanda et al. (2024)	Campuran	Soal selidik, temu bual dan pemerhatian	Halangan Bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Penemuan daripada penyelidikan menunjukkan bahawa tekanan kerja atau beban kerja, halangan bahasa, kekurangan latihan, budaya, dan ketakutan melaporkan kemalangan adalah lima halangan utama yang membawa kepada komunikasi yang lemah dan penyertaan pekerja dalam pencegahan kemalangan. Komunikasi yang lemah membawa kepada tekanan kerja/lebih beban, kemalangan, produktiviti.

Jadual 3 (*sambungan*)

Penulis	Kaedah Metodologi	Instrumen Kajian	Tema	Kesan Keterbatasan Komunikasi
Kuoribo et al. (2024)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan Bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Perbezaan pelbagai bahasa dan budaya tenaga kerja pembinaan dalam pasukan pengurusan projek memberi kesan kepada produktiviti projek. Bahkan, amalan menyalahkan pihak lain yang dipanggil sebagai *"scapegoatism"*, telah disenaraikan sebagai kesan ketiga tertinggi yang turut memburukkan suasana kerja apabila pekerja dipersalahkan atas kesilapan yang berlaku berbanding berusaha dalam mencari penyelesaian secara kolektif dan konstruktif.
Goh et al. (2024)	Campuran	Soal selidik dan temu bual	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Keselamatan dan kesihatan Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Keputusan menunjukkan bahawa tiada bukti untuk menggunakan sebarang alternatif untuk mengatasi masalah komunikasi, tetapi responden telah mengesyorkan pilihan lain iaitu penggunaan bahasa badan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa selain daripada penurunan produktiviti pekerja, terdapat beberapa akibat negatif kegagalan komunikasi yang boleh membawa kepada kegagalan pembinaan. Penambahan kos projek, perselisihan faham, kelewatan projek, dan bahaya keselamatan dan kesihatan adalah semua akibat negatif daripada komunikasi yang lemah.
Alruwaili et al. (2025)	Kualitatif	Temu bual separa berstruktur	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Keselamatan dan kesihatan	Hasil kajian mendapati bahawa terdapat jurang ketara antara pekerja asing dan pekerja tempatan. Pekerja asing melaporkan cabaran yang lebih besar berkaitan dengan halangan bahasa, stigma budaya dan kekurangan akses kepada sokongan mental. Seterusnya, halangan kepada kualiti kerja adalah penglibatan kepimpinan yang terhad, stigma, kekangan sumber dan latihan organisasi yang tidak mencukupi. Latihan kesihatan dan keselamatan sedia ada banyak tertumpu pada keselamatan fizikal tetapi kekurangan program terhadap kesihatan mental.
Bariono and Kamaruding (2025)	Campuran	Soal selidik dan temu bual	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Keselamatan dan kesihatan	Hasil dapatan mendapati bahawa kesukaran yang dihadapi oleh pekerja asing dalam sektor pembinaan. Halangan bahasa mempunyai RII terbesar yang mempengaruhi komunikasi teknikal di tapak pembinaan. Seterusnya, akibat negatif yang paling ketara adalah kualiti kerja. Hal ini demikian kerana, pekerja asing yang berpengalaman dalam pembinaan adalah penting untuk memajukan projek dengan jayanya.

Jadual 3 (*sambungan*)

Penulis	Kaedah Metodologi	Instrumen Kajian	Tema	Kesan Keterbatasan Komunikasi
Olanrewaju et al. (2025)	Kuantitatif	Soal selidik	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Penemuan daripada kajian menunjukkan hubungan signifikan sebanyak 95% halangan komunikasi memberi impak kepada proses komunikasi dan produktiviti di tapak pembinaan Nigeria. Sebanyak empat faktor yang menjadi penghalang kepada keberkesanan komunikasi, iaitu pengurusan, pekerja, organisasi dan pekerjaan. Objektif dan arahan yang tidak jelas daripada penyelia telah memberi kesan kepada produktiviti industri.
Maung and Siriwato (2025)	Kualitatif	Temu bual separa berstruktur	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi Persekitaran kerja yang tidak kondusif	Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua aspek utama yang berlaku ke atas pekerja asing. Pertama, pekerja asing di bawah sistem SSW tidak mengalami pencabulan hak buruh. Kedua, halangan bahasa merupakan cabaran yang ketara. Hal ini demikian kerana, pekerja melaporkan kesukaran semasa berkomunikasi dengan masyarakat Jepun.
Salombe et al. (2025)	Kualitatif	Temu bual separa berstruktur	Halangan bahasa dan keterbatasan komunikasi	Penemuan itu mendedahkan ketidakpadanan linguistik antara latihan bahasa Jepun di Institusi Latihan Pekerjaan (LPK) di Indonesia dan Organisasi Penerimaan (AO) di Jepun dengan tuntutan komunikasi sebenar yang dihadapi di tempat kerja. Walaupun program latihan memberi tumpuan kepada tatabahasa dan bahasa Jepun yang diseragamkan, mereka tidak mempunyai persediaan yang mencukupi untuk kemahiran komunikasi dunia sebenar yang bergantung kepada konteks yang diperlukan di tempat kerja. Halangan seperti pemahaman terhad tentang istilah teknikal dan dialek tempatan menghalang penyesuaian yang berkesan.

Sumber: Hasil dapatan penulis

Secara keseluruhannya, produktiviti pekerja asing tidak dipengaruhi oleh satu faktor secara berasingan, tetapi berlaku hasil daripada pelbagai faktor yang telah dianalisis. Maka, usaha meningkatkan produktiviti pekerja asing memerlukan pendekatan yang menyeluruh dengan mengambil kira hubungan antara faktor-faktor tersebut dan tidak hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja.

Dari aspek metodologi, majoriti kajian lepas cenderung menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden. Pendekatan ini bertujuan untuk menganalisis hubungan signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji dengan produktiviti pekerja dalam sesebuah organisasi. Sementara itu, kajian selebihnya tidak mengehadkan skop kepada data berangka semata-mata, malah turut mengintegrasikan kaedah temu bual dan pemerhatian bagi meneroka faktor serta punca berlakunya sesuatu isu dalam konteks dunia sebenar.

Walaupun kajian ini memberikan input yang bersistematik, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil perhatian. Kajian ini mempunyai batasan dari segi tempoh sorotan literatur, di mana rujukan hanya dihadkan kepada penulisan dalam tempoh lima tahun terkini. Kekangan tempoh ini berkemungkinan mengecualikan dapatan kajian terdahulu yang relevan, sekali gus mengehadkan gambaran trend jangka panjang dalam bidang ini secara menyeluruh. Penyelidikan akan datang harus mempertimbangkan pelanjutan tempoh masa untuk mendapatkan kajian-kajian lepas yang lebih komprehensif, sekali gus membolehkan analisis dilakukan terhadap evolusi trend dan perubahan corak produktiviti pekerja dalam jangan masa panjang. Tambahan pula, isu halangan bahasa dalam kalangan pekerja asing sering dikaji, tetapi tumpuan kajian daripada pakar bidang linguistik masih berkurangan dan sebahagian besar penyelidikan lepas didominasi oleh bidang bukan linguistik seperti bidang pengurusan, ekonomi dan kejuruteraan. Namun, perspektif daripada bidang bahasa dan linguistik masih terhad, sedangkan analisis linguistik yang mendalam amat diperlukan untuk memahami struktur halangan tersebut dengan lebih mendalam. Oleh itu, kajian pada masa hadapan diharapkan dapat memberi lebih tumpuan kepada sudut pandang linguistik bagi merapatkan jurang ilmu ini.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah hasil daripada kajian yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, projek geran FRGS/1/2023/SS109/UKM/02/2. Projek ini bertajuk ‘Membina model kemahiran asas (KEMAS) bahasa Melayu dalam kalangan pekerja asing.’

RUJUKAN

Ali, A. S., Smith, A., Pitt, M., & Chan, H. C. (2010). Contractors' perception of factors contributing to project delay: Case studies of commercial projects in Klang Valley, Malaysia. *Journal of Design and Built Environment, 7*, 43-57. https://borneojournal.um.edu.my/index.php/jdbe/article/view/5300

Alruwaili, M. M., Munir, F., Carrillo, P., & Soetanto, R. (2025). Exploring health, safety, and mental health practices in the Saudi construction sector – Knowledge, awareness, and interventions: A semi-structured interview. *Safety, 11*(3), Article 90. https://doi.org/10.3390/safety11030090

Aznan, N. N. Z., & Ishak, N. (2021). The issues of employing foreign workers in Malaysian construction industry. *5th International Undergraduate Seminar on Built Environment and Technology (USBET).* https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/133992

Bariono, N. S. E., & Kamaruding, M. (2025). Initiatives to overcome the issues and negative impacts on the involvement of foreign laborers in the Malaysian construction industry. *Jurnal Kejuruteraan, 37*(2), 855-867. https://doi.org/10.17576/jkukm-2025-37(2)-24

Basalamah, A., Ardani, E. G., & Fransisca, A. (2021). Communication challenges for foreign workers within multicultural hospitality working environment: Case front office of Hotel X in Japan. *International Journal of Social Science and Business, 5*(1), 120-126. https://doi.org/10.23887/ijssb.v5i1.32295

Dzawanda, B., Chari, A., & Matsa, M. M. (2024). Towards a safety climate framework to improve communication and worker involvement in occupational accident prevention at construction sites in Zimbabwe. *Safety in Extreme Environments, 6*, 1-13. https://doi.org/10.1007/s42797-023-00092-6

Deraman, S., & Mohd Isa, S. Z. (2016). Tahap kepuasan kerja dalam kalangan kakitangan penjara. *Jurnal Komunikasi, 1*, 149-161.

Duman, G., Orhon, G., & Gedik, N. (2015). Research trends in mobile assisted language learning from 2000 to 2012. *ReCALL, 27*(2), 197-216. https://doi.org/10.1017/S0958344014000287

Eko Bariano, N. S., & Kamaruding, M. (2025). Initiatives to overcome the issues and negative impacts on the involvement of foreign laborers in the Malaysian construction industry. *Jurnal Kejuruteraan, 37*(2), 855-867. https://doi.org/10.17576/jkukm-2025-37(2)-24

Fellows, M. F., Phua, F. T. T., & Tutt, D. E. (2023). Building bridges: The bilingual language work of migrant construction workers. *Construction Management and Economics, 41*(2), 153-171. https://doi.org/10.1080/01446193.2022.2151022

Ghani, M., Muhamad Zamani, N. F., Rozman Azram, A. A., Rahmat, N. H., Omar, S. K., & Md Sharif, N. F. (2022). An investigation of perceptual, verbal, and non-verbal barriers in the workplace. *International Journal of Asian Social Science, 12*, 347-359. https://doi.org/10.55493/5007.v12i9.4604

Goh, K. C., Zainordin, N., & Khoo, S. L. (2024). Verbal communication between contractors and foreign workers. *Malaysian Construction Research Journal, 21*(1), 179-193.

Gusenbauer, M., & Haddaway, N. R. (2020). Which academic search systems are suitable for systematic review or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods, 11*(2), 181-217. https://doi.org/10.1002/jrsm.1378

Hanaysha, J. (2016). Testing the effects of employee empowerment, teamwork and employee training on employee productivity in higher education sector. *International Journal of Learning & Development, 6*(1), 164-178. https://doi.org/10.5296/ijld.v6i1.9200

Ismail, S. H., & Ahmad, N. (2020). *Hubungan di antara persekitaran kerja dan produktiviti tenaga kerja dalam sektor pembuatan*. Penerbit UTHM.

Jabatan Imigresen Malaysia. (2022, February 9). Kekurangan pekerja asing terus jejas produktiviti. *Utusan Malaysia*, p. 34.

Kaushik, V., Walsh, C. A., & Haefele, D. (2016). Social integration of immigrants within the linguistically diverse workplace: A systematic review. *Review of Social Sciences, 1*(1), 15-25. https://doi.org/10.18533/rss.v1i1.5

Kuoribo, E., Amoah, P., Kissi, E., Edwards, D. J., & Thwala, W. D. (2024). Analysing the effect of multicultural workforce/teams on construction productivity. *Journal of Engineering, Design and Technology, 22*(3), 969-990. https://doi.org/10.1108/JEDT-11-2021-0636

Mattila, T. E. A., Ovaska, U., Kinnunen, B., Tuure, V., Leppälä, J., Taattola, K., Rinnola, V., & Rautiainen, R. H. (2021). Experiences and challenges of foreign agricultural workers in Finland. *Journal of Agricultural Safety and Health, 27*(1), 13-28. https://doi.org/10.13031/jash.13893

Maung, M. T., & Siriwato, S. (2025). Myanmar migrant workers in Japan: A case study of specified skilled workers (SSW). *Journal of Contemporary Social Sciences and Humanities, 12*(1), 50-70. https://doi.org/10.59796/jcsh.v12i1.50-70

Memon, H. A., AbdulRahman, I., Abdulllah, R. M., & Abdul Aziz, A. A. (2011). Time overrun in construction project from the perspective of project management consultant. *Journal of Surveying, Construction & Property, 1*(1), 54-66.

Ministry of Health, Labour and Welfare. (2023). Working conditions handbook.Retrievedfrom https://www.mhlw.go.jp/content/001113033.pd

Mohd Salleh, M., Mohi, Z., Nordin, N., Mohamad, N. A., & Razali, N. A. S. (2021). The impact of language barriers and discrimination issues on work productivity of foreign workers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11*(16), 42-52. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i16/11215

Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., & The PRISMA Group. (2010). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *International Journal of Surgery, 8*(5), 336-341. https://doi.org/10.1016/j.ijsu.2010.02.007

Nahartini, D., Dewi, R. S., Fitriah, S., Defianty, M., & Anasy, Z. (2021). The quest of developing a better English training material for migrant worker candidates in Indonesia. *English Review: Journal of English Education, 10*(1), 159-174. https://doi.org/10.25134/erjee.v10i1.5366

Ne' Matullah, K. F., Pek, L. S., & Roslan, S. A. (2021). Investigating communicative barriers on constructive industry productivity in Malaysia: An overview. *International Journal of Evaluation and Research in Education, 10*(2), 476-482. https://doi.org/10.11591/ijere.v10i2.21163

Nissi, R., Blåsjö, M., & Jonsson, C. (2021). Workplace communication in flux: From discrete languages, text genres and conversations to complex communicative situations. *Applied Linguistics Review, 14*(4), 679-695. https://doi.org/10.1515/applirev-2021-0052

Olanrewaju, O. I., Bello, A. O., Semiu, M. A., & Mudashiru, S. A. (2025). Critical barriers to effective communication in the construction industry: Evidence from Nigeria. *International Journal of Construction Management, 25*(7), 783-801. https://doi.org/10.1080/15623599.2024.2362018

Olanrewaju, A., Tan, S. W., & Kwan, L. F. (2017). Roles of communication of performance of the construction sector. *Procedia Engineering, 196*, 763-770. https://doi.org/10.1016/j.proeng.2017.08.005

Othman, A. A., Torrance, J. V., & Hamid, M. A. (2006). Factors influencing the construction time of civil engineering projects in Malaysia. *Engineering, Construction and Architectural Management, 13*(1), 481-501. https://doi.org/10.1108/09699980610690756

Page, M. J., Moher, D., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., & McKenzie, J. E. (2021). PRISMA 2020 explanation and elaboration: Updated guidance and exemplars for reporting systematic reviews. *BMJ, 372*, Article n160. https://doi.org/10.1136/bmj.n71

Putri, L. W. B. (2022). Systematic literature review: The impact of using Chinese language on effectiveness in business communication. *Journal of Interconnected Social Science (JISS), 1*(1), 59-71. https://dynamicjournal.my.id/index.php/JISS/article/view/6

Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic reviews in the social sciences: A practical guide*. Blackwell.

Rehman, M. A., & Ishak, M. S. (2022). Role of government acts, laws and policies between effective communication and construction risk management. *Journal of Applied Structural Equation Modeling, 6*(2), 1-22. https://doi.org/10.47263/JASEM.6(2)03

Rose, H., Briggs, J. G., Boggs, J. A., Sergio, L., & Ivanova-Slavianskaia, N. (2018). A systematic review of language learner strategy research in the face of self-regulation. *System, 72*, 151-163. https://doi.org/10.1016/j.system.2017.12.002

Rotimi, F. E., Rotimi, J. O. B., Silva, C. C., Olatunji, O. A., & Ramanayaka, C. E. D. (2023). The determinants of job satisfaction amongst specific migrant construction workers. *Built Environment Project and Asset Management, 13*(5), 738-755. https://doi.org/10.1108/BEPAM-06-2022-0078

Salombe, F. D., Iskandar, K., & Rustam, M. R. (2025). Language barriers: Language training mismatch and communication challenges among Indonesian Technical Intern (TITP) in Japan. *KIRYOKU, 9*(2), 455-469. https://doi.org/10.14710/kiryoku.v9i2.455-469

Sambasivan, M., & Soon, W. Y. (2007). Causes and effects of delays in Malaysian construction industry. *International Journal of Project Management, 25*, 517-526. https://doi.org/10.1016/j.ijproman.2006.11.007

Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., & Samsuddin, S. F. (2021). Guidelines for developing a systematic literature review for studies related to climate change adaptation. *Environmental Science and Pollution Research, 28*(18), 22265-22277. https://doi.org/10.1007/s11356-021-13178-0

Shah, A., & Yusof, T. A. (2018). Apply laws to foreign labour too. *New Straits Times*. https://www.nst.com.my/news/exclusive/2018/08/398466/exclusive-apply-laws-foreign-labour-too

Tan, C. K., & Abdul-Rahman, H. (2011). Study of quality management in construction projects. *Chinese Business Review, 10*(7), 542-552.

Yap, W. X., & Ahmad, N. (2021). The relationship between employment factors and perceived job performance among foreign workers in manufacturing industry. *Research in Management of Technology and Business, 2*(1), 153-165. https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/1988

Ye, K., & Rahman, H. (2010). Risk of late payment in the Malaysian construction industry. *International Journal of Social, Management, Economics and Business Engineering, 4*(5), 503-511. https://doi.org/10.5281/zenodo.1329721

Zhong, X., Ang, L. H., & Sharmini, S. (2023). Systematic literature review of conversational code-switching in multilingual society from a sociolinguistic perspective. *Theory & Practice in Language Studies (TPLS), 13*(2), 318. https://doi.org/10.17507/tpls.1302.06